



PERHUBUNGAN DAN KOMUNIKASI ANTARA SEKOLAH DENGAN IBU BAPA:

Pengenalan (Definisi Perhubungan Interpersonal dan Komunikasi), Kemahiran Interpersonal, Komunikasi dan Janji Temu dengan Ibu Bapa.

7.1 Pengenalan.

Jaringan hubungan yang berkualiti dan berkesan antara pihak sekolah dengan ibu bapa merupakan faktor penentu kecemerlangan sesebuah sekolah. Abdul Rafie (2007) menyatakan bahawa sekolah perlu mempunyai jaringan hubungan yang mantap dan akrab dengan ibu bapa untuk kejayaan sistem pendidikan negara. Mengikut Alimuddin (2006) pula, jaringan kerjasama ibu bapa dan sekolah memainkan peranan penting yang boleh menjadikan sekolah itu hebat dan berjaya. Pihak sekolah perlu sedar bahawa terdapat banyak pendekatan yang boleh digunakan untuk menjalin hubungan dan kerjasama dengan ibu bapa. Kerjasama ini telah wujud dalam kalangan ibu bapa di dunia seperti Jepun, China dan India (Hussein, 2007). Mengikut Khairulaniza (2007), kejayaan misi membangunkan modal insan bukan hanya terletak di bahu pihak sekolah mahupun kerajaan, tetapi harus didokong oleh ibu bapa.

7.1.1 Definisi Perhubungan.

Berdasarkan Kamus Dewan, perhubungan bermaksud jalinan atau ikatan berdasarkan kerjasama, persetujuan, kasih sayang yang bertujuan mencapai sesuatu matlamat bersama. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, interpersonal bermaksud berkenaan hubungan sesama manusia. Perhubungan Interpersonal yang baik antara sekolah iaitu guru dengan ibu bapa amat penting bagi memastikan kecemerlangan anak-anak di samping kecemerlangan sekolah.

7.1.2 Definisi Komunikasi.

Komunikasi ialah terjemahan daripada perkataan Inggeris 'communication'. Perkataan ini berasal daripada perkataan Latin *communicare* yang bermaksud to make common atau mewujudkan persamaan (Shamsudin, 1993). Terdapat pelbagai takrifan mengenai komunikasi. Menurut Sillars komunikasi adalah penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat atau pendapat atau idea dengan tulisan, percakapan atau imej visual atau mana-mana kombinasi difahami dengan jelas oleh sesiapa yang terlibat. Mengikut Robins dan De Cenzo (1998) pula, komunikasi melibatkan transmisi maksud dan maklumat kepada audiens. Apabila maksud ataupun maklumat tidak diterima oleh audiens maka proses komunikasi tidak berlaku. De Vito (1978) menyatakan komunikasi ialah proses menghantar dan menerima mesej antara dua peribadi dengan beberapa kesan dan maklum balas yang serta merta.

Berdasarkan definisi ini, beliau cuba menerangkan bahawa komunikasi melibatkan sekurang-kurangnya dua orang yang menghantar dan menerima mesej sama ada dalam bentuk perkataan atau isyarat. Mesej yang dihantar kadangkala mengalami gangguan, iaitu kebisingan yang boleh mengurangkan kesan komunikasi. Mesej yang telah dikirimkannya itu akan memberi impak kepada penerima dan penerima bertindak balas menghantar mesej dalam bentuk maklum balas. Dengan ini timbul perasaan hampa kepada penghantar dan boleh bertukar kepada perselisihan faham antara si penghantar dengan si penerima. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, komunikasi berkesan akan menimbulkan suasana yang lebih efektif untuk pelajar-pelajar memahami dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan dalam kelas. Sebelum sebarang proses komunikasi wujud, idea, perasan, harapan, cita-cita, arahan mahupun maklumat dan lain-lain lagi perlu ditukar kepada bentuk yang difahami oleh si penerima. Bentuk ini dipanggil simbol. Simbol ini wujud dalam bentuk tulisan, bahasa yang diucapkan, bahasa isyarat, gambar bunyi, bahasa badan dan sebagainya.

~~7.2~~ **Kemahiran Interpersonal.**

Howard Gardner (1983) memberikan definisi kemahiran interpersonal di dalam bukunya Frames of Mind sebagai kebolehan memahami orang lain dan menggunakan kebolehan ini dalam berinteraksi, bekerjasama, membimbing dan menguruskan komunikasi. Kemahiran interpersonal membolehkan seseorang memahami perasaan, tabiat serta hasrat orang lain. Individu ini dapat berinteraksi dengan mudah dan boleh bekerjasama dengan orang lain secara praktikal untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah dan dapat memberi motivasi kepada orang lain. Salah satu cara mendefinisikan kemahiran interpersonal ialah dengan cara meneliti perkara-perkara berikut:

- 1/ (a) Bilangan individu yang terlibat;
- 2/ (b) Jarak kedudukan antara penutur dengan pendengar;
- 3/ (c) Jumlah saluran deria yang terlibat; dan
- 4/ (d) Maklum balas yang disediakan.

~~7.2.1~~ **Aspek-aspek Kemahiran Interpersonal.**

1. kepimpinan
 2. Jaringan perhubungan
 3. daya berprestasi

(a) Kepimpinan

Pemimpin yang berjaya adalah pemimpin yang boleh mempengaruhi ahli-ahli di dalam kumpulannya menjayakan aktiviti tertentu untuk mencapai matlamat kumpulan seperti yang telah ditetapkan. Untuk mempengaruhi orang lain, memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi seperti mempunyai karisma, kepakaran, kebolehan memberi arahan dan adanya suasana hormat menghormati antara ahli.

(b) Jaringan Perhubungan

Kemahiran mencari, mengenal pasti dan membina hubungan yang berkesan dengan orang lain dan boleh mengekalkan hubungan ini untuk kebaikan kedua-dua pihak. Di dalam mengukuhkan hubungan ini, kemahiran-kemahiran membangunkan hubungan dan memotivasi turut diguna pakai.

(c) Kerja Berpasukan

Bekerja di dalam kumpulan untuk mencapai matlamat yang sama. Kemahiran ini termasuklah kebolehan bekerjasama dengan ahli-ahli lain, menerima idea orang lain, menggunakan pendekatan kolaboratif di dalam pembelajaran dan bertanggungjawab berusaha mencapai matlamat kumpulan.

7.3 Komunikasi.

7.3.1 Komunikasi Berkesan.

Komunikasi berkesan tidak boleh tidak melibatkan penggunaan deria manusia dan antara yang penting ialah mata, telinga, mulut, hati dan sentuhan. Ini kerana ia melibatkan manusia yang mempunyai akal dan juga perasaan. Interaksi dan komunikasi yang hanya menggunakan akal atau hanya menggunakan perasaan akan menjadi tidak berkesan kerana ianya tidak menyeluruh. Seseorang yang mempunyai tahap kemahiran perhubungan interpersonal yang tinggi dan komunikasi dengan berkesan menggunakan deria manusia dengan bijaksana. Apabila kesemua deria tidak digunakan dengan sebaiknya, keadaan komunikasi berikut mungkin boleh berlaku:-

- Menerima mesej seadanya, mendengar tetapi tidak menangkap mesej dengan jelas.
- Melihat seadanya, tanpa peka kepada mesej tambahan yang dilahirkan melalui mimik muka, pergerakan badan, tangan dan sebagainya
- Tidak cuba memahami perasaan tersebut.

Komunikasi berkesan berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:

1. mesej yang disampaikan difahami dengan tepat dan jelas penerima
2. makna mesej difahami dan dikongsi bersama oleh penghantar dan penerima
3. perubahan yang berlaku (sekiranya dikehendaki) akibat dari mesej adalah seperti perubahan yang dikehendaki oleh penghantar

5. mesej yang disampaikan mempunyai kos efektif - *kos yg mempunyai nilai*
contoh: mesej yg mempunyai nilai

7.4 Janji Temu dengan Ibu Bapa.

Konferen dengan ibu bapa penting dan mencetuskan suasana selesa antara pihak sekolah dan ibu bapa. Walau bagaimanapun sebelum menjalankan konferen, antara langkah-langkah yang perlu difikirkan adalah:

Perancangan Awal.

Pastikan tujuan dan objektif konferen atau perjumpaan itu. Pencapaian yang bagaimana perlu diperoleh daripada perjumpaan itu? Catatkan apa yang perlu diajukan kepada ibu bapa atau penjaga dan fikir terlebih dahulu sebelum berkata-kata. Selain itu, guru-guru juga membuat jadual perjumpaan di mana mereka menetapkan sesi konferen dijalankan selang dua minggu. Tujuannya bagi membincangkan kemajuan kanak-kanak. Masa juga dapat ditetapkan melalui rundingan telefon ataupun maklumat lain.

Cara Membuat Ibu Bapa Selesa dengan Program.

Ada beberapa panduan yang dapat diikuti, antaranya adalah:

- Hantar surat kepada ibu bapa atau penjaga. Nyatakan tujuan konferen dengan jelas. Lampirkan juga borang persetujuan ataupun penolakan.
- Perjelaskan dalam surat yang perjumpaan tidak mengambil masa yang lama, mungkin antara 20 hingga 40 minit.

- Cadangan daripada pihak keluarga yang terlibat boleh diterima sekiranya mereka mempunyai usul bagi kebaikan kedua-dua pihak.
- Gaya mengolah surat juga sebaik-baiknya tidak merisaukan ibu bapa.
- Telefon ibu bapa sekiranya tiada jawapan yang diterima.

Perluakah kanak-kanak hadir bersama?

Kanak-kanak perlu mendengar perbincangan sekiranya tujuan perbincangan adalah bagi melihat kemajuan mereka. Ini kerana:

- Kanak-kanak dapat membantu atau memberi sumbangan dengan memperkatakan berkenaan kemajuan dan perubahan tingkah laku. Mereka juga dapat memberi cadangan bagi membaiki, mengukuhkan dan membincangkan berkenaan minat masing-masing.
- Fokus perbincangan ini adalah bagi memberitahu kanak-kanak yang mereka berhak bersuara dan memberi pendapat. Orang dewasa perlu menyedarinya.
- Penghargaan diri kanak-kanak akan meningkat dan menyerlah apabila mereka adalah sebahagian daripada agenda perbincangan. Contohnya, tujuan perbincangan ini adalah bagi membantu kanak-kanak dan keluarganya.
- Kanak-kanak akan lebih menunjukkan minat dan melibatkan diri semasa di dalam kelas. Mereka akan rasa bangga bukan hanya kerana dapat melaksanakan tanggungjawab, malah dapat berkongsi pendapat dan keupayaan membantu antara satu sama lain. Rasa kekitaan juga mula terbentuk. Ini adalah motivasi dan kejayaan semua pihak.
- Kanak-kanak juga dapat memahami yang pelajaran adalah proses kooperatif antara rumah dan sekolah serta sekolah dan rumah.

Hubungan Menerusi Telefon.

Penggunaan talian telefon adalah cara yang berkesan apabila sukar mengatur pertemuan biasa walaupun tidak semua keluarga mempunyai talian telefon. Antara panduannya adalah:

- Masa yang lama diperlukan bagi membina hubungan mesra dan kepercayaan ibu bapa pada guru kerana keseluruhan mesej yang hendak disampaikan berbeza berbanding bertemu secara bersemuka. Walau bagaimanapun, tindakan menghubungi ibu bapa melalui telefon akan membuahkan hasil dan dihargai walaupun agak lambat.
- Selalu tegaskan apa yang akan dibualkan dan perkara yang sudah dipersetujui bersama seperti, "Setakat ini, kita bersetuju yang..."
- Tindakan guru perlu berhati-hati dan sentiasa rasional. Kemahiran mentafsir maksud perbualan adalah penting. Walaupun menerusi perbualan telefon, guru-guru masih mampu menjadi sebahagian daripada ibu bapa dan kanak-kanak. Hubungan melalui telefon dapat menjadi sistem sokongan bagi keluarga itu.

~~A~~ Sensitiviti semasa Menjalani Perbincangan.

- budaya
- agama

1. • (Tahu apa yang dikehendaki oleh ibu bapa dalam program yang dijalankan dan hasrat mereka pada anak-anak.) Cari maklumat berkenaan matlamat keluarga ini seperti cara mereka mendidik anak-anak dan apa yang dititikberatkan pada anak-anak mereka. Galakkan ibu bapa bercakap berkenaan isu ini supaya konflik dapat dielakkan.
2. • (Guru perlu telus dan mempunyai matlamat, tahu apa yang dikendalikan tetapi sebaik-baiknya wujudkan ruang antara kedua-dua pihak supaya lebih fleksibel.) Ini bagi menghasilkan situasi menang-menang.

- (Guru perlu sentiasa peka dengan perkara-perkara yang membawa konflik walaupun perkara itu sebenarnya kecil.) Cuba atasinya dan jangan hanya berharap masalah itu akan berlalu begitu sahaja.
- (Bina hubungan yang baik) Ini dapat membantu kita mengatasi konflik. Bersabar dalam membina hubungan. Ia kadang-kala mengambil masa tetapi ini membuat guru-guru lebih tenang dan mudah berbicara. Komunikasi dapat dijalankan dengan baik apabila hubungan guru dengan ibu bapa mesra. Ini dapat membina hubungan yang berkesan dan membantu dalam kerjaya dan diri kanak-kanak itu.
- (Apabila mengendalikan kanak-kanak berbilang bangsa dan budaya, perkara penting bagi guru adalah kemahiran komunikasi.) Pelajari cara berkomunikasi supaya kemahiran komunikasi dapat dipelbagaikan. Apa yang orang lain fikirkan mungkin tidak sama dengan apa yang kita fikirkan.